



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGARUH BAHASA IBUNDA
DALAM PROSES PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU
MURID-MURID INDIA**

SUTHANTHIRADEVI A/P J.N.J. MONEY

FPP 1996 7

**PENGARUH BAHASA IBUNDA
DALAM PROSES PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU
MURID-MURID INDIA**

SUTHANTHIRADEVI A/P J.N.J. MONEY

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

1996



**PENGARUH BAHASA IBUNDA
DALAM PROSES PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU
MURID-MURID INDIA**

Oleh

SUTHANTHIRADEVI A/P J.N.J. MONEY

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains
di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Pertanian Malaysia**

Januari 1996



PENGHARGAAN

Penulis bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana tesis ini akhirnya berjaya disiapkan. Banyak pihak telah membantu menyempurnakannya. Penulis sangat berhutang budi dan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mereka, terutama:

Jawatankuasa Penyeliaan, iaitu Profesor Dr. Abdul Hamid Mahmood (Pengerusi), Profesor Madya Hj. Taha Abdul Kadir dan Encik Mat Nor Hussin kerana nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang penyelenggaraan tesis ini. Kesabaran, minat dan dedikasi mereka dalam melaksanakan tugas ini sangat penulis hargai. Semoga Tuhan membalas segala jasa baik mereka itu.

Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak kerana membenarkan penulis menjalankan kajian di SRJK(T) Sg. Pari dan SRJK(T) Methodist, Buntung, Perak.

Guru-guru Besar, guru-guru dan murid-murid tahun enam di SRJK(T) Sg. Pari dan SRJK(T) Methodist, Buntung kerana memberikan kerjasama yang sangat baik.

Jabatan Perangkaan Malaysia cawangan Perak kerana kerjasama dan maklumat-maklumat yang diperlukan dalam kajian ini.

Pensyarah-pensyarah di Fakulti Pengajian Bahasa Moden, dan Fakulti

Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia, rakan-rakan dan sesiapa sahaja yang turut menyumbang dan membantu secara langsung atau tidak dalam menyempurnakan tesis ini.

Akhir sekali, ibu tersayang dan adik-beradik yang sentiasa memberikan inspirasi dan dorongan serta mendoakan kejayaan penulis.

Kepada mereka semua, penulis mengabadikan tesis ini.

BERILMU BERBAKTI

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN.....	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xii

BAB

I	PENDAHULUAN	1
	Latar Belakang Kajian	2
	Bahasa Melayu Dalam Sistem Pendidikan di SRJK(T) ..	2
	Murid-murid India di SRJK(T) 1989 - 1993	7
	Penggunaan Bahasa Melayu di Kalangan Masyarakat India Buntung	9
	Perbandingan Sistem Tatabahasa Bahasa Tamil dengan Bahasa Melayu	14
	Pernyataan Masalah	34
	Kepentingan Kajian	37
	Soalan Kajian	39
	Objektif Kajian	40
	Batasan Kajian	40
	Definisi Operasional	41
	Pengaruh Bahasa Ibunda	41
	Proses Pembelajaran Bahasa Melayu	42
	Murid-murid India	44
II	SOROTAN LITERATUR	46
	Kajian-kajian Berkaitan	46
	Pengaruh Bahasa Ibunda ke atas Pembelajaran Bahasa Kedua	47
	Sikap	57
	Pendedahan Bahasa	64



Rumusan Sorotan Literatur.....	66
Pengaruh Bahasa Ibunda ke atas	
Pembelajaran Bahasa Kedua	66
Sikap	68
Pendedahan Bahasa	69
III METODOLOGI	70
Reka bentuk Kajian	70
Kerangka Teori	71
Kerangka Konseptual	76
Lokasi Kajian	79
Populasi dan Persampelan	81
Subjek Kajian	81
Kaedah Kajian	81
Pendekatan Kajian	82
Pembolehkan Peramal	82
Pembolehkan Bebas	82
Pembolehkan Bersandar	82
Alat Kajian	83
Kertas Ujian Karangan Bahasa Melayu UPSR	83
Soal Selidik	84
Penyelidik	86
Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	86
Tatacara Kajian	86
Penganalisan Data	88
IV KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	95
Persembahan Dapatan	95
Objektif 1	95
Soalan 1	95
Objektif 2	99
Soalan 2	99
Objektif 3	100
Soalan 3	100
Perbincangan Dapatan	105
Unsur-unsur Linguistik Bahasa Ibunda dalam Penulisan	105
Unsur-unsur Linguistik Bahasa Ibunda dalam Pertuturan	128
Unsur-unsur Ekstralinguistik Bahasa Ibunda	138
Rasional Teori Pembelajaran	144
V RUMUSAN DAN SYOR	150
Rumusan Umum	150
Ulasan	153
Syor	155

BIBLIOGRAFI	159
--------------------------	-----

LAMPIRAN

A	Kertas Ujian Karangan Bahasa Melayu I	166
B	Soal Selidik	168
C	Sistem Menanda Karangan	181
D	Data Pengaruh Bahasa Tamil Dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Murid-murid India	183
D1	Pengaruh Bahasa Tamil dalam Karangan Murid-murid India	184
D2	Binaan Ayat Bahasa Melayu Murid- Murid India Dalam Karangan	192
D3	Percampuran Kod Bahasa Melayu-Tamil Dalam Aspek Pertuturan Murid-murid India	197
D4	Penggunaan Bahasa Sehari Murid-murid India	201
D5	Sikap Murid-Murid India Terhadap Bahasa Tamil - Bahasa Melayu	206
D6	Pendedahan Bahasa Melayu Murid-murid India	212
VITA	219	

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1 Perangkaan Murid-murid India, Guru dan SRJK(T) 1989-1993 di Malaysia	8
2 Penduduk Mengikut Jantina dan Daerah	11
3 Bilangan Kaum India di Daerah Kinta	12
4 Perbezaan Bahasa Tamil dan Bahasa Melayu	15
5 Perbezaan Fonem Bahasa Tamil dan Bahasa Melayu	16
6 Unsur-unsur Linguistik Bahasa Ibunda dalam Karangan Murid-murid India	96
7 Pengaruh Bahasa Ibunda dalam Karangan Murid-murid India	97
8 Penggunaan Bahasa Ibunda sebagai Bahasa Sehari-hari	101
9 Sikap Murid-murid India Terhadap Bahasa Ibundanya	102
10 Tahap Pendedahan Bahasa Melayu Murid-murid India	104
11 Pengaruh Bahasa Ibunda dalam Aspek Leksikal Murid-murid India	117



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Peta Daerah Negeri Perak	10
2	Tatabahasa Penutur Dwibahasa	48
3	Campur Kod dalam Tatabahasa Penutur Dwibahasa	51
4	Aliran Mental/Kognitif (S.O.R)	72
5	Kerangka Teori Kajian Berdasarkan Teori Behaviorisme Bertujuan	75
6	Kerangka Konsepsi Kajian Berdasarkan Teori Behaviorisme Bertujuan	77
7	Peta Pekan Buntung - Lokasi Kajian	80
8	Model Kajian Kes	94
9	Plot Model Regresi	98



SENARAI SINGKATAN/LAMBANG

%	-	peratus
n	-	bilangan kes
\bar{x}	-	min
$\bar{\sigma}$	-	sisihan piawai
d.k.	-	darjah kebebasan
$p < .05$	-	paras signifikan 0.05
X^2	-	nilai statistik
	-	Khi kuasa dua
S^2	-	varian
α	-	alpha
N	-	jumlah besar
SRJK(T)	-	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil)
UPSR	-	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
FN	-	Frasa Nama
FK	-	Frasa Kerja
FA	-	Frasa Adjektif
FS	-	Frasa Sendi
BM	-	Bahasa Melayu
BT	-	Bahasa Tamil



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat, Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan Ijazah Master Sains.

**PENGARUH BAHASA IBUNDA DALAM PROSES PEMBELAJARAN
BAHASA MELAYU MURID-MURID INDIA**

oleh

SUTHANTHIRADEVI A/P J.N.J. MONEY

JANUARI 1996

Pengerusi : Profesor Abdul Hamid Mahmood, Ph.D

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Penyelidikan ini dijalankan dengan tujuan meneliti pengaruh bahasa ibunda dalam proses pembelajaran bahasa Melayu murid-murid India di Pekan Buntung, Perak Darul Ridzuan. Kajian ditadbir ke atas sejumlah 180 murid tahun enam di SRJK(T) Sg. Pari dan SRJK(T) Methodist, Buntung, Perak Darul Ridzuan. Kajian ini menggunakan karangan murid-murid yang ditulis dalam situasi pembelajaran formal, pertuturan bahasa Melayu di dalam kelas dan jawapan-jawapan kepada soal selidik yang diberi di penghujung sesi kajian.

Dapatan tentang analisis kandungan ke atas karangan murid yang dihasilkan dalam proses pembelajaran secara formal menunjukkan bahawa proses penggantian fonem vokal bahasa Melayu dalam aspek leksikal paling banyak dipengaruhi oleh bahasa ibunda. Dalam aspek ayat, pengaruh tersebut diwakili oleh binaan ayat

penyata. Pengaruh seperti pemindahan bahasa ibunda paling ketara dalam aspek kata dasar yang menerima pengaruh bunyi vokal dan konsonan bahasa Tamil.

Selanjutnya, pemerhatian ke atas aspek pertuturan bahasa Melayu murid-murid membuktikan bahasa memanjangkan bunyi vokal dalam kata pinjaman kerap terdapat pada kata dasar. Di samping itu fenomenon percampuran kod bahasa Melayu-Tamil terutama yang terdiri daripada jenis Ayat Penyata turut dikesan.

Dalam proses pembelajaran secara tidak formal tinjauan telah dilakukan berdasarkan soal selidik. Dapatan soal selidik menunjukkan bahawa unsur ekstralinguistik bahasa ibunda yang paling dominan ialah sikap terhadap bahasa ibunda. Dengan kata lain, sikap terhadap bahasa ibunda sangat kukuh di kalangan pengguna menganggap bahasa ibunda perlu digunakan selalu.

Syor-syor yang dikemukakan dalam kajian ini merangkumi aktiviti pengayaan dan pengukuhan bahasa, konsep perbandingan bahasa antara kumpulan, program pendedahan bahasa, keprihatinan terhadap deskripsi bahasa pertama dan kedua dan strategi mencari makna kata berdasarkan konteks.

Abstract of the thesis presented to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science.

**MOTHER-TONGUE LANGUAGE INTERFERENCE IN THE PROCESS OF
LEARNING BAHASA MELAYU AMONG INDIAN STUDENTS**

by

SUTHANTHIRADEVI D/O J.N.J. MONEY

JANUARY 1996

Chairman : Professor Abdul Hamid Mahmood, Ph.D

Faculty : Faculty of Education Studies

This study seeks to find out the effects of mother-tongue language (L_1) interference in the process of learning Malay language (L_2) among Indian students in Buntung, Perak. Research conducted made use of students' written composition, produced in a formal classroom learning situation, their oral communication in Malay, and answers to questionnaires given at the end of the study.

Results of the content analysis on the subjects' written compositions produced in a formal class-learning situation indicated that the vowel replacement in L_2 was highly correlated with similar lexical items prevalent in L_1 - interference and was apparent in verb fronting and how conjunctions such as language transfer also occurs at the semantic level, where meaning in L_1 is imposed on L_2 .

Analysis of the oral communication reveals the frequent use of L_1 glottal stops / ? / for many L_2 root words and words with affixes. On the other hand, the phenomenon of code-mixing in L_1 and L_2 is detected especially in the construction of interrogatives.



In an informal learning situation where observations were made by means of questionnaires, it is noted that the most dominant element of Malay-Tamil extralinguistics interference is the attitude towards mother-tongue language. In other words, the users think the mother-tongue language is a necessity among users.

Suggestions put forward in this study include the use of enrichment and reinforcement activities in L₂ inter-group language competitions, language exposure programmes, teachers sensitivity towards L₁ and L₂ descriptions and learners' strategy in understanding vocabulary by using context.

BAB I

PENDAHULUAN

Bahasa Melayu telah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal bagi negara Malaysia. Hal ini jelas dinyatakan dalam Fasal 152 Perlembagaan Negara. Akta Bahasa Kebangsaan 1967 telah memperkuatkan pula kedudukan dan penggunaan bahasa Melayu dalam semua urusan rasmi. Dengan itu sekaligus telah menaikkan martabat bahasa Melayu pada tahap sewajarnya. Fungsi bahasa Melayu sebagai alat perpaduan negara melalui sistem pendidikan terus dilaksanakan. Matlamat kerajaan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sepenuhnya daripada peringkat pengajian dasar hingga ke peringkat pengajian tinggi, jelas terlaksana secara menyeluruh mulai tahun 1983.

Menurut Laporan Kabinet (1982), pada tahun 1978 bahasa Melayu telah digunakan dengan meluas di sekolah-sekolah, malah bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan bagi masyarakat majmuk di negara ini. Dengan itu, bahasa Melayu sudah dapat memainkan peranannya sebagai alat untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum dalam proses mencapai integriti perpaduan negara.

Walaupun penggunaan bahasa Melayu sudah begitu meluas di dalam dan di luar sekolah, namun tanda-tanda menunjukkan bahawa sebahagian murid-murid di negara ini masih dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka khususnya masyarakat



bukan Melayu. Pengaruh tersebut wujud daripada ciri-ciri masyarakat majmuk yang menggunakan pelbagai bahasa ibunda (Asmah Hj. Omar, 1991: 25). Ciri-ciri kepelbagaian bahasa tersebut bukan sahaja sudah ada di kalangan orang Melayu tetapi juga di kalangan orang Cina dan India.

Dalam konteks murid-murid keturunan India bahasa-bahasa yang boleh didapati di sekolah terdiri daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris selain daripada bahasa Tamil.

Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu (1957) dan seterusnya pembentukan Malaysia pada tahun 1963 dengan sendirinya memanjangkan Dasar Pelajaran Kebangsaan kepada semua etnik di Malaysia. Melalui dasar tersebut bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi dan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan di negara ini. Murid-murid yang telahpun memiliki bahasa ibunda masing-masing terdedah pula kepada satu bahasa yang berbeza dari aspek linguistiknya. Sejak itu berlakulah gangguan bahasa ibunda dalam proses penguasaan bahasa Melayu tersebut. Kajian-kajian tentang pengaruh bahasa ibunda ke atas penguasaan bahasa Melayu pernah dikaji oleh pengkaji-pengkaji tempatan seperti Farid M. Onn dan Ajid Che Kob (1981), Abdul Hamid Mahmood (1985, 1990), Diah Balimbang (1988), Pow Siew Mee (1988) dan lain-lain.

Latar Belakang Kajian

Bahasa Melayu Dalam Sistem Pendidikan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil)

Kedudukan dan peranan bahasa Melayu dalam bidang pendidikan sama pentingnya dengan kedudukan dan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi

pentadbiran. Menurut teori perancangan bahasa, dasar bahasa dalam pendidikan merupakan pecahan daripada dasar bahasa rasmi (R.B. Noss, 1984). Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan sebagaimana yang tercatat dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan bertujuan memenuhi konsep dan peranan bahasa rasmi juga.

Menurut Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979, tahap permulaan pelaksanaan bahasa Melayu di sekolah-sekolah bantuan kerajaan telah bermula pada tahun 1957, iaitu setelah Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan sebagai sebuah negara merdeka pada 31 Ogos 1957. Pelaksanaan penggunaan bahasa Melayu di semua jenis dan peringkat sekolah hanya dimulakan setelah Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957.

Hal ini diperkuatkan oleh keterangan Mohd. Hilmi (1978) yang menyatakan bahawa sistem pendidikan di Malaysia pada zaman penjajahan Inggeris hingga menjelang tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ialah sistem empat aliran bahasa pengantar, iaitu Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil.

Beliau seterusnya menegaskan bahawa sistem pendidikan yang serupa itu tidak berjaya menyatukan penduduk Malaysia yang berbilang ras sebaliknya telah memisah-misahkan mereka melalui sekolah-sekolah yang dihadiri oleh murid-murid menurut kaum: sekolah Melayu untuk murid Melayu, sekolah Cina untuk murid Cina dan sekolah Tamil untuk murid India.

Menurut Joginder Singh Jessey (1978), masalah penduduk Malaysia yang berbilang ras, khasnya di Semenanjung Malaysia, ada hubungannya dengan sejarah kedatangan dan campur tangan Inggeris di negeri-negeri Melayu pada penghujung

abad ke-19 dan awal abad ke-20 masihi. Penjajah Inggeris telah membenarkan ekonomi mereka berkembang apabila lombong-lombong bijih timah dan ladang-ladang getah dibuka maka bilangan orang-orang Cina dan India kian meningkat dari semasa ke semasa. Mereka kebanyakannya merebut peluang tinggal di bandar-bandar untuk menjalankan perniagaan. Sebilangan besar orang Cina tinggal di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan lombong-lombong bijih timah dan orang India pula tinggal di ladang-ladang getah kepunyaan Inggeris, bekerja sebagai buruh. Kebanyakan orang Melayu tinggal di desa. Menurut "*Education in Malaysia 1980*". Inggeris terpaksa mengadakan satu sistem pendidikan empat jenis sekolah bertujuan untuk memenuhi kehendak semua kumpulan penduduk Melayu, Cina, India dan lain-lain.

Masalah penduduk Persekutuan Tanah Melayu yang berbilang ras itulah yang telah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pelajaran 1956 dalam merancang pembentukan satu dasar pelajaran kebangsaan bagi negara Malaysia yang merdeka. Jawatankuasa tersebut akhirnya telah menghasilkan sebuah laporan yang dikenal sebagai "*Laporan Razak 1956*". Ibrahim Saad (1981) berpendapat bahawa sistem pelajaran kebangsaan sekarang adalah merujuk kepada Dasar Pelajaran Kebangsaan yang berpuncakan Laporan Razak 1956.

Sejak terlaksananya syor-syor dalam Laporan Razak 1956 melalui Ordinan Pelajaran 1957 itu maka sekolah-sekolah bantuan kerajaan, pada semua peringkat, telah menggunakan kurikulum dan sukatan pelajaran yang standard yang dikeluarkan oleh kerajaan. Laporan Rahman Talib (1960) pula mengesyorkan supaya dilaksanakan pembahagian waktu belajar yang standard bagi tiap-tiap mata pelajaran di semua jenis dan peringkat sekolah bantuan kerajaan. Dengan itu

penggunaan bahasa Melayu di semua jenis dan peringkat sekolah bantuan kerajaan juga dapat ditentukan perimbangan pendedahannya dari segi peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran yang dikawal oleh pihak kerajaan.

Pada tahun 1960, peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) diadakan dalam bahasa Melayu dan pada tahun 1962, peperiksaan Federation of Malaya Certificate (FMC) pula dalam bahasa Melayu dikenali sebagai peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Seterusnya pada tahun 1978, peperiksaan Malaysian Certificate of Education (MCE) dimansuhkan dan diganti dengan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Selepas tahun 1978, tiada lagi sekolah-sekolah jenis kebangsaan, rendah dan menengah pengantar bahasa Inggeris. Yang masih wujud ialah sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan pengantar bahasa Cina dan Tamil.

Kemudian wujud pula satu reformasi pendidikan terhadap kurikulum lama yang dianggap *ad hoc*, implisit dan terpisah. Kurikulum baru dilaksanakan pada tahun 1983 dikenali sebagai Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan 1985/89 diperkenalkan pula Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sebagai kesinambungan dan pelengkap KBSR. Kurikulum ini bertujuan untuk mendukung cita-cita yang murni dan unggul selaras dengan falsafah dan hasrat pendidikan kebangsaan. Antara lain ia menegaskan bahawa pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai

kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. (Kementerian Pendidikan PPK, 1983: 3).

Menyedari akan hakikat ini, pada tahun 1976 murid-murid dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil [SRJK(T)] dimestikan mengikuti kelas peralihan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sebelum mereka meneruskan pelajaran ke Tingkatan Satu. Dalam kelas peralihan, mengikut sukatan baru KBSM, mereka akan dilengkapi dengan kecekapan berbahasa Melayu selama setahun untuk mengikuti pendidikan sekolah yang berpengantar bahasa Melayu di Tingkatan I kelak. Di kelas ini mereka akan dipupuk juga dengan semangat kewarganegaraan serta pemahaman dan penghayatan tentang nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.

Berdasarkan keterangan-keterangan yang terdahulu, ternyata proses pengembangan bahasa Melayu dalam pendidikan di SRJK(T) sudah melalui tempoh 18 tahun (1976-1994). Walaupun bahasa Melayu mula diajar di SRJK(T) sejak tahap I pertengahan tahun 1 lagi, tetapi pengaruh bahasa ibunda masih terdapat dalam pembelajaran bahasa Melayu hingga kini.

Bahasa Melayu telah menjadi lambang penyatuan supra-lokal mengatasi perbezaan etnik dan kebudayaan (Le Page, 1964: 45). Malah di sepanjang tempoh 18 tahun itu, bahasa Melayu telah mengalami tiga peringkat pengembangan bahasa, iaitu peringkat pengabjadan, penyeragaman dan pemodenan (Ferguson, C.A., 1968: 28). Pengabjadan bermaksud usaha mencipta satu sistem ejaan bagi bahasa-bahasa yang belum mempunyai ejaan. Penyeragaman ialah proses mengadakan norma-norma umum yang mengatasi sifat-sifat dialek, sama ada sifat-sifat kedaerahan

ataupun sosial. Pemodenan pula dihubungkan dengan proses mencapai taraf saling menterjemah (intertranslatability) dengan bahasa lain dalam sebanyak mungkin jenis penggunaan bahasa sesuai dengan keadaan zaman sekarang (Nik Safiah Karim, 1990: 50).

Tiga peringkat pengembangan bahasa tersebut memberi kesan kepada pendidikan bahasa Melayu di SRJK(T). Di peringkat pengabjadan misalnya, generasi tua mengenal sistem ejaan Rumi lama manakala generasi muda mengenal sistem ejaan Rumi baharu. Di peringkat penyeragaman, murid-murid SRJK(T) kini dapat mengenal norma-norma baku bahasa Melayu. Meskipun demikian unsur idiolek murid-murid berkenaan masih menjadi penghalang untuk mereka bertutur dalam bahasa Melayu dengan fasih (Abdul Hamid Mahmood, 1985: 1). Di peringkat pemodenan, usaha-usaha telah dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menyerapkan beberapa kata bahasa Tamil dan Sanskrit ke dalam kosa kata bahasa Melayu.

Murid-murid India di SRJK(T) 1989-1993

Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia Jun 1994, jumlah murid SRJK(T) di Malaysia pada akhir tahun 1993 ialah 104,651 orang (lihat Jadual 1).

Jadual 1

Perangkaan Murid-murid India, Guru dan SRJK(T) 1989-1993
Di Malaysia

Bilangan Murid-murid SRJK(T) 1989-1993

Tahun	Bil. Murid-murid		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
1989	44718	47525	92243
1990	46761	49359	96120
1991	48863	51613	99876
1992	50051	52406	102493
1993	51006	53603	104651

Bilangan Guru-guru Terlatih dan Tidak Terlatih di SRJK(T) Malaysia 1989-1993

Tahun	Bil. Murid-murid		Jumlah
	Terlatih	Tidak Terlatih	
1989	4051	1263	5320
1990	4049	1793	5842
1991	4304	1685	5989
1992	4476	1756	6232
1993	4585	1669	6254

Bilangan SRJK(T) di Malaysia 1989-1993

SEKOLAH	1989	1990	1991	1992	1993
SRJK(T)	547	544	543	543	541


Sumber: PPK Mei 1994

Penggunaan Bahasa Melayu di Kalangan Masyarakat India Buntung

Negeri Perak Darul Ridzuan terbahagi kepada 9 daerah. Daerah Kinta terletak di tengah-tengah negeri Perak Darul Ridzuan (rujuk Rajah 1). Pada tahun 1991, jumlah penduduk negeri Perak ialah 1,880,016 iaitu seramai 929,118 orang lelaki dan 950,898 orang perempuan. Pada tahun 1991, penduduk daerah Kinta berjumlah 627,889 orang iaitu lelaki 308,427 orang dan perempuan 319,462 orang. Bilangan penduduk mengikut kumpulan etnik di negeri Perak Darul Ridzuan 1991, bagi lelaki India seramai 155,944 dan perempuan India seramai 157,605 orang. (Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, Cawangan Perak - 1992).

Keluasan bandaraya Ipoh ialah 171 km persegi. Jumlah penduduk Daerah Kinta pada tahun 1991 ialah 627,889 orang. Etnik India pula adalah seramai 313,549 orang. Ini menunjukkan sejumlah 50% penduduk Daerah Kinta terdiri daripada kaum India (Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Perak, 1992), rujuk Jadual 2 dan 3.

Daerah Kinta, bekas kawasan perlombongan itu, kini terkenal sebagai kawasan perindustrian. Penduduk-penduduknya bekerja di kilang dan berniaga. Salah satu daripada kawasan tersibuk di daerah Kinta ialah pekan Buntung. Ia terletak dalam kawasan bandaraya Ipoh. Secara keseluruhan kaum India di Pekan Buntung menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan khususnya berniaga kacang putih. Di samping itu penduduk Buntung juga mengusahakan tanaman sara diri seperti buah-buahan dan sayur-sayuran.



Sumber : Dewan Bandaraya Ipoh, Disember 1995

Rajah 1 : Peta Daerah Negeri Perak